



PARLIMEN MALAYSIA



RANG UNDANG-UNDANG

**Rang Undang-undang Keselamatan Sosial Pekerja
(Pindaan), 1969**

DR.08/1984

RANG UNDANG-UNDANG

bernama

Suatu Akta untuk meminda Akta Keselamatan Sosial Pekerja 1969.

[]

MAKA INILAH DIPERBUAT UNDANG-UNDANG oleh Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dengan nasihat dan persetujuan Dewan Negara dan Dewan Rakyat yang bersidang dalam Parlimen, dan dengan kuasa daripadanya, seperti berikut:

1. Akta ini bolehlah dinamakan Akta Keselamatan Sosial Pekerja (Pindaan) 1984 dan hendaklah mula berkuatkuasa pada tarikh yang ditetapkan oleh Menteri melalui pemberitahuan dalam *Warta*. Tajuk ringkas dan mula berkuatkuasa.
2. Seksyen 2 Akta Keselamatan Sosial Pekerja 1969, yang disebut "Akta ibu" dalam Akta ini, adalah dipinda dengan memotong perenggan (7). Pindaan seksyen 2. Akta 4.
3. Seksyen 15 Akta ibu adalah dipinda— Pindaan seksyen 15.
 - (a) dengan memotong angka dan simbol "(1)" selepas angka seksyen "15.";
 - (b) dengan menggantikan perenggan (d) dengan perenggan yang berikut:

"(d) bayaran bagi belanja pengurusan mayat kepada orang atau orang-orang yang tersebut dalam seksyen 29 atas kematian seorang orang berinsurans akibat bencana kerja yang berlaku ke atasnya tatkala menjadi seorang pekerja di bawah Akta ini atau dalam masa dia menerima faedah hilangupaya di bawah Akta ini, atau seseorang orang berinsurans yang mengidap keilatan dalam

masa dia menerima pencen ilat di bawah Akta ini, atau seseorang orang ber-insurans yang belum mencapai umur 55 tahun tetapi telah memenuhi syarat-syarat kelayakan bagi pencen ilat di bawah Akta ini, (kemudian dari ini disebut faedah pengurusan mayat);”;

(c) dengan menggantikan noktah yang terdapat di hujung perenggan (f) dengan koma bertitik; dan

(d) dengan memasukkan perenggan berikut selepas perenggan (f):

“(g) bayaran berkala kepada orang-orang tanggungan bagi seseorang orang ber-insurans yang telah mati semasa dia masih menerima pencen ilat, atau orang berinsurans yang belum mencapai umur 55 tahun tetapi telah memenuhi syarat-syarat kelayakan bagi pencen ilat di bawah Akta ini (kemudian dari ini disebut pencen penakat).”.

Pindaan
seksyen 20.

4. Perenggan (a) subseksyen (2) seksyen 20 Akta ibu adalah dipinda—

(a) dengan menggantikan noktah yang terdapat selepas perkataan-perkataan “mengikut peratoran²” dengan noktah bertindih; dan

(b) dengan memasukkan proviso yang berikut:

“Dengan syarat bahawa “gaji bulanan purata” minimum hendaklah diberikan dan hendaklah ditetapkan mengikut formula berikut:

kadar faedah harian	
minimum sebagai-	
mana yang ditetap-	
kan oleh Menteri	$\times 30 \text{ hari} \times \frac{100}{70}$
dalam perenggan 5	
Jadual Keempat	”.

5. Akta ibu adalah dipinda dengan memasukkan seksyen-seksyen yang berikut selepas seksyen 20:

Seksyen-
seksyen
baru 20A
dan 20B.

"Pencen
penakat.

20A. (1) Jika seseorang orang berinsurans yang sedang menerima pencen ilat, atau jika seseorang orang berinsurans yang belum genap umur 55 tahun tetapi telah memenuhi syarat-syarat untuk mendapat pencen ilat di bawah Akta ini, mati, maka pencen penakat mengikut kadar yang dinyatakan dalam Jadual Kelapan kenalah dibayar—

(a) kepada balunya selama hayat atau sehingga berkahwin lagi, dan jika ada dua orang balu atau lebih, bahagian pencen penakat bagi balu itu yang dinyatakan dalam Jadual Kelapan hendaklah dibahagi-bahagikan sama banyaknya di antara balu-balu itu;

(b) kepada tiap-tiap orang anak lelaki sahtaraf atau anak angkat lelaki yang sah di sisi undang-undang sehingga dia berumur genap enam belas tahun :

Dengan syarat bahawa mengenai seseorang anak lelaki sahtaraf atau anak angkat lelaki yang sah di sisi undang-undang yang berumur lebih daripada enam belas tahun yang lemah, maka pencen penakat hendaklah terus dibayar selama mana kelemahan itu terus dihidapi;

(c) kepada tiap-tiap orang anak perempuan sahtaraf yang belum bersuami atau anak angkat perempuan yang sah di sisi undang-undang yang belum bersuami sehingga dia berumur genap enam belas tahun atau sehingga berkahwin, mengikut mana yang lebih awal:

Dengan syarat bahawa mengenai seseorang anak perempuan sahtaraf yang belum bersuami atau anak angkat perempuan yang sah di sisi undang-undang yang belum bersuami yang berumur lebih daripada

enam belas tahun yang lemah, maka pencen penakat hendaklah terus dibayar selama mana kelemahan itu terus dihadapi dan selama mana dia masih belum berkahwin lagi:

Dan dengan syarat selanjutnya bahawa Pertubuhan boleh terus membayar pencen itu kepada mana-mana anak lelaki sahtaraf atau anak angkat lelaki atau anak perempuan sahtaraf yang belum bersuami atau anak angkat perempuan yang belum bersuami sehingga dia berumur genap lapan belas tahun jika dia masih meneruskan pelajaran hingga memuaskannya hati Pertubuhan.

(2) Jika seseorang orang berinsurans yang sedang menerima pencen ilat, atau jika seseorang orang berinsurans yang belum genap umur 55 tahun tetapi telah memenuhi syarat-syarat bagi pencen ilat di bawah Akta ini, mati dan tidak meninggalkan balu atau anak yang sah atau anak angkat, maka pencen penakat kenalah dibayar kepada orang-orang tanggungan lain sebagaimana dinyatakan dalam subperenggan (c) perenggan (3) seksyen 2, mengikut kadar dan selama tempoh yang dinyatakan dalam Jadual Kelapan.

(3) Pencen penakat adalah terakru dari tarikh kematian orang berinsurans yang sedang menerima pencen ilat atau orang berinsurans yang belum genap umur 55 tahun tetapi telah memenuhi syarat-syarat bagi pencen ilat di bawah Akta ini:

Dengan syarat bahawa jika faedah hilang-upaya telah kena dibayar kepada orang berinsurans yang telah mati mulai dari tarikh kematian, maka tarikh akruan pencen penakat hendaklah tarikh berikutan tarikh kematian.

Hak duda
mendapat
pencen
penakat.

20B. Seseorang duda yang menakati orang berinsurans perempuan yang sedang menerima pencen ilat, atau orang berinsurans perempuan yang belum genap umur 55 tahun

tetapi telah memenuhi syarat-syarat bagi pencen ilat, adalah berhak mendapat pencen penakat selama hayat mengikut kadar yang sama sebagaimana dinyatakan bagi balu itu dalam perenggan 2 Jadual Kelapan jika dia lemah dan sepenuhnya bergantung pada pendapatan orang berinsurans itu pada masa kematiannya:

Dengan syarat bahawa Pertubuhan boleh memuaskan hatinya dengan apa jua cara sebagaimana difikirkannya patut mengenai perkara kelemahan dan pergantungan duda itu.”.

6. Seksyen 22 Akta ibu adalah dipinda—

Pindaan
seksyen 22.

- (a) dengan menggantikan perkataan-perkataan “empat belas hari” dalam proviso kepada perenggan (a) dengan perkataan-perkataan “lima hari”;
- (b) dengan menggantikan koma bertitik yang terdapat di hujung proviso kepada perenggan (a) dengan noktah bertindih; dan
- (c) dengan memasukkan proviso tambahan yang berikut kepada perenggan (a):

“Dengan syarat selanjutnya bahawa bagi maksud-maksud seksyen ini dan sama ada atau tidak orang yang mengidap bencana kerja itu dibayar gaji pada tarikh bencana kerja, mulanya penghitungan tempoh lima hari hendaklah bermula dari hari berlakunya bencana kerja.”.

7. Akta ibu adalah dipinda dengan menggantikan seksyen 29 dengan seksyen yang berikut:

Pindaan
seksyen 29.

“Faedah
pengurusan
mayat.

29. (1) Jika seseorang orang berinsurans mati akibat suatu bencana kerja atau dalam masa dia masih menerima faedah hilangupaya di bawah Akta ini, atau jika seseorang orang berinsurans yang mengidap keilangan mati dalam masa dia masih menerima pencen ilat, atau jika seseorang orang berinsurans yang belum mencapai umur 55 tahun tetapi telah memenuhi syarat-syarat kelayakan bagi pencen ilat di bawah Akta ini, mati, maka

faedah pengurusan mayat yang amaunnya sebagaimana yang ditetapkan oleh Menteri dari semasa ke semasa melalui peraturan-peraturan hendaklah dibayar kepada seorang atau lebih dari seorang daripada orang-orang berikut :

- (a) balu (jika ada dua orang balu atau lebih, balu-balu itu sama-sama berkongsi faedah pengurusan mayat);
- (b) duda;
- (c) anak lelaki atau anak angkat lelaki yang tertua sekali yang masih takat;
- (d) anak perempuan atau anak angkat perempuan yang tertua sekali yang masih takat;
- (e) ibu atau bapa (jika ada kedua-dua ibu bapa, ibu dan bapa sama-sama berkongsi faedah pengurusan mayat).

(2) Jika tidak ada orang-orang yang sedemikian seperti tersebut dalam perenggan (a), (b), (c), (d) atau (e) dalam subseksyen (1), mana-mana orang lain yang sebenarnya menanggung perbelanjaan pengurusan mayat hendaklah dibayar belanja pengurusan mayat orang ber-insurans yang telah mati itu atau amaun sebagaimana ditetapkan oleh Menteri di bawah subseksyen (1), mengikut mana yang lebih kurang :

Dengan syarat bahawa tuntutan bagi apa-apa faedah itu hendaklah dibuat dalam tempoh tiga bulan selepas kematian orang berinsurans itu atau dalam sesuatu tempoh lanjutan sebagaimana dibenarkan oleh Pertubuhan atau mana-mana pegawai atau pihak berkuasa yang diberi kuasa olehnya bagi maksud ini :

Dengan syarat selanjutnya bahawa walau apa pun syarat-syarat di atas apa-apa pertelingkahan mengenai soal kepada siapa bayaran faedah pengurusan mayat patut dibuat, maka keputusan Ketua Pengarah atau keputusan pegawai yang diberi kuasa olehnya adalah muktamad.”.

8. Seksyen 36 Akta ibu adalah dipinda—

Pindaan
seksyen 36.

- (a) dengan memasukkan perkataan-perkataan “atau pencen penakat” selepas perkataan-perkataan “faedah orang tanggungan” dalam subseksyen (1) dan (2); dan
- (b) dengan menggantikan perkataan-perkataan “umur enam belas tahun,” dalam subseksyen (1) dengan perkataan-perkataan “umur enam belas tahun atau lapan belas tahun, mengikut mana yang berkenaan,”.

9. Seksyen 71 Akta ibu adalah dipinda dengan memasukkan perkataan-perkataan “, keselamatan kerja” selepas perkataan-perkataan “memperbaiki kesihatan” dalam perenggan (vii).

Pindaan
seksyen 71.

10. Seksyen 84 Akta ibu adalah dipinda—

Pindaan
seksyen 84.

- (a) dengan memasukkan perkataan-perkataan “atau pencen penakat” selepas perkataan-perkataan “faedah orang tanggungan” dalam perenggan (f) subseksyen (1);
- (b) dengan memotong perenggan (g) subseksyen (1); dan
- (c) dengan memotong perenggan (c) subseksyen (2).

11. Seksyen 86 Akta ibu adalah dipinda dengan memasukkan perkataan-perkataan “atau pencen penakat” selepas perkataan-perkataan “faedah orang tanggungan” dalam perenggan (a) subseksyen (3).

Pindaan
seksyen 86.

12. Akta ibu adalah dipinda dengan memasukkan seksyen yang berikut selepas seksyen 96:

Seksyen
baru 96A.

“Orang tanggungan tidak berhak mendapat pencen penakat dan faedah orang tanggungan bagi orang ber-insurans yang sama.
Akta 273.

96A. (1) Seseorang orang tanggungan tidaklah berhak menerima bagi tempoh yang sama dan berkenaan dengan orang berinsurans yang sama—

- (a) pencen penakat dan faedah orang tanggungan; atau
- (b) pampasan di bawah peruntukan-peruntukan Akta Pampasan Orang-kerja 1952 dan juga pencen penakat.

(2) Jika orang tanggungan berhak menerima kedua-duanya pencen penakat dan faedah orang tanggungan, maka dia adalah berhak menerima faedah yang kena dibayar mengikut kadar yang lebih tinggi.

Akta 273. (3) Jika orang tanggungan berhak menerima kedua-dua pampasan di bawah Akta Pampasan Orangkerja 1952 dan juga pencen penakat, maka dia adalah berhak memilih sama ada pampasan atau faedah.”

Pindaan
Jadual
Pertama.

13. Jadual Pertama kepada Akta ibu adalah dipinda dengan menggantikan perkataan-perkataan “lima ratus” di mana sahaja terdapat dalam perenggan (1) dan dalam proviso kepada perenggan itu dengan perkataan-perkataan “satu ribu”.

Pindaan
Jadual
Ketiga.

14. Akta ibu adalah dipinda dengan menggantikan Jadual Ketiga dengan Jadual berikut:

“

JADUAL KETIGA

KADAR CARUM

1. Carum-carum jenis Pertama, Kedua dan Ketiga hendaklah dihitung dengan merujuk kepada gaji bulanan dan hendaklah dibayar mengikut kadar yang dinyatakan di bawah ini.

2. BAHAGIAN I—Carum jenis Pertama—bagi Keilatan dan Bencana Kerja.

<i>Gaji Bulanan</i>	<i>Carum Majikan</i>	<i>Carum Pekerja</i>	<i>Jumlah</i>
1. Gaji hingga \$30	40 sen	10 sen	50 sen
2. Apabila gaji melebihi \$30 tetapi tidak melebihi \$50	70 sen	20 sen	90 sen
3. Apabila gaji melebihi \$50 tetapi tidak melebihi \$70	\$1.10	30 sen	\$1.40
4. Apabila gaji melebihi \$70 tetapi tidak melebihi \$100	\$1.50	40 sen	\$1.90
5. Apabila gaji melebihi \$100 tetapi tidak melebihi \$140	\$2.10	60 sen	\$2.70
6. Apabila gaji melebihi \$140 tetapi tidak melebihi \$200	\$2.95	85 sen	\$3.80
7. Apabila gaji melebihi \$200 tetapi tidak melebihi \$300	\$4.35	\$1.25	\$5.60
8. Apabila gaji melebihi \$300 tetapi tidak melebihi \$400	\$6.15	\$1.75	\$7.90
9. Apabila gaji melebihi \$400 tetapi tidak melebihi \$500	\$7.85	\$2.25	\$10.10
10. Apabila gaji melebihi \$500 tetapi tidak melebihi \$600	\$9.65	\$2.75	\$12.40
11. Apabila gaji melebihi \$600 tetapi tidak melebihi \$700	\$11.35	\$3.25	\$14.60

<i>Gaji Bulanan</i>	<i>Carum Majikan</i>	<i>Carum Pekerja</i>	<i>Jumlah</i>
12. Apabila gaji melebihi \$700 tetapi tidak melebihi \$800	\$13.15	\$3.75	\$16.90
13. Apabila gaji melebihi \$800 tetapi tidak melebihi \$900	\$14.85	\$4.25	\$19.10
14. Apabila gaji melebihi \$900	\$16.65	\$4.75	\$21.40

3. BAHAGIAN II—Carum Jenis Kedua bagi Keilatan sahaja.

<i>Gaji Bulanan</i>	<i>Carum Majikan</i>	<i>Carum Pekerja</i>	<i>Jumlah</i>
1. Gaji hingga \$30	10 sen	10 sen	20 sen
2. Apabila gaji melebihi \$30 tetapi tidak melebihi \$50	20 sen	20 sen	40 sen
3. Apabila gaji melebihi \$50 tetapi tidak melebihi \$70	30 sen	30 sen	60 sen
4. Apabila gaji melebihi \$70 tetapi tidak melebihi \$100	40 sen	40 sen	80 sen
5. Apabila gaji melebihi \$100 tetapi tidak melebihi \$140	60 sen	60 sen	\$1.20
6. Apabila gaji melebihi \$140 tetapi tidak melebihi \$200	85 sen	85 sen	\$1.70
7. Apabila gaji melebihi \$200 tetapi tidak melebihi \$300	\$1.25	\$1.25	\$2.50
8. Apabila gaji melebihi \$300 tetapi tidak melebihi \$400	\$1.75	\$1.75	\$3.50
9. Apabila gaji melebihi \$400 tetapi tidak melebihi \$500	\$2.25	\$2.25	\$4.50
10. Apabila gaji melebihi \$500 tetapi tidak melebihi \$600	\$2.75	\$2.75	\$5.50
11. Apabila gaji melebihi \$600 tetapi tidak melebihi \$700	\$3.25	\$3.25	\$6.50
12. Apabila gaji melebihi \$700 tetapi tidak melebihi \$800	\$3.75	\$3.75	\$7.50
13. Apabila gaji melebihi \$800 tetapi tidak melebihi \$900	\$4.25	\$4.25	\$8.50
14. Apabila gaji melebihi \$900	\$4.75	\$4.75	\$9.50

4. BAHAGIAN III—Carum jenis Ketiga bagi berlakunya Bencana Kerja sahaja. (Carum hendaklah dibayar semata-mata oleh Majikan).

<i>Gaji Bulanan</i>	<i>Carum Majikan</i>
1. Gaji hingga \$30	30 sen
2. Apabila gaji melebihi \$30 tetapi tidak melebihi \$50	50 sen
3. Apabila gaji melebihi \$50 tetapi tidak melebihi \$70	80 sen
4. Apabila gaji melebihi \$70 tetapi tidak melebihi \$100	\$ 1.10
5. Apabila gaji melebihi \$100 tetapi tidak melebihi \$140	\$ 1.50
6. Apabila gaji melebihi \$140 tetapi tidak melebihi \$200	\$ 2.10

	<i>Gaji Bulanan</i>				<i>Carum Majikan</i>
7.	Apabila gaji melebihi \$200 tetapi tidak melebihi \$300	...	...	...	\$ 3.10
8.	Apabila gaji melebihi \$300 tetapi tidak melebihi \$400	...	...	...	\$ 4.40
9.	Apabila gaji melebihi \$400 tetapi tidak melebihi \$500	...	...	...	\$ 5.60
10.	Apabila gaji melebihi \$500 tetapi tidak melebihi \$600	...	...	...	\$ 6.90
11.	Apabila gaji melebihi \$600 tetapi tidak melebihi \$700	...	...	...	\$ 8.10
12.	Apabila gaji melebihi \$700 tetapi tidak melebihi \$800	...	...	...	\$ 9.40
13.	Apabila gaji melebihi \$800 tetapi tidak melebihi \$900	...	...	...	\$10.60
14.	Apabila gaji melebihi \$900	...	...	...	\$11.90".

Pindaan
Jadual
Keempat.

15. Jadual Keempat kepada Akta ibu adalah dipinda—

(a) dengan menggantikan perkataan-perkataan “enam puluh” yang terdapat dalam perenggan 1 dengan perkataan-perkataan “tujuh puluh”;

(b) dengan menggantikar perenggan 4 dengan perenggan yang berikut:

“4. Gaji bulanan anggapan yang dinyatakan dalam perenggan 3 bagi tiap-tiap bulan ialah amaun yang ditunjukkan dalam susunan yang berikut sebagai bersamaan dengan kadar carum jenis Pertama atau Ketiga yang dibayar atau kena dibayar bagi bulan itu.

<i>Gaji bulanan yang sebenar bagi bulan</i>	<i>Jenis Pertama</i>	<i>Jenis Ketiga</i>	<i>Gaji bulanan anggapan yang ber- sama bagi bulan itu</i>
1. Gaji hingga \$30	50 sen	30 sen	\$20
2. Apabila gaji melebihi \$30 tetapi tidak melebihi \$50	90 sen	50 sen	\$40
3. Apabila gaji melebihi \$50 tetapi tidak melebihi \$70	\$1.40	80 sen	\$60
4. Apabila gaji melebihi \$70 tetapi tidak melebihi \$100	\$1.90	\$1.10	\$85
5. Apabila gaji melebihi \$100 tetapi tidak melebihi \$140	\$2.70	\$1.50	\$120
6. Apabila gaji melebihi \$140 tetapi tidak melebihi \$200	\$3.80	\$2.10	\$170

<i>Gaji bulanan yang sebenar bagi bulan</i>	<i>Jenis Pertama</i>	<i>Jenis Ketiga</i>	<i>Gaji bulanan anggapan yang ber- sama bagi bulan itu</i>
7. Apabila gaji melebihi \$200 tetapi tidak melebihi \$300	\$5.60	\$3.10	\$250
8. Apabila gaji melebihi \$300 tetapi tidak melebihi \$400	\$7.90	\$4.40	\$350
9. Apabila gaji melebihi \$400 tetapi tidak melebihi \$500	\$10.10	\$5.60	\$450
10. Apabila gaji melebihi \$500 tetapi tidak melebihi \$600	\$12.40	\$6.90	\$550
11. Apabila gaji melebihi \$600 tetapi tidak melebihi \$700	\$14.60	\$8.10	\$650
12. Apabila gaji melebihi \$700 tetapi tidak melebihi \$800	\$16.90	\$9.40	\$750
13. Apabila gaji melebihi \$800 tetapi tidak melebihi \$900	\$19.20	\$10.60	\$850
14. Apabila gaji melebihi \$900	\$21.40	\$11.90	\$950";

(c) dengan memasukkan perenggan berikut selepas perenggan 4:

“4A. Jika tiada apa-apa carum jenis Pertama atau Ketiga dibayar atau kena dibayar bagi orang berinsurans dalam tempoh enam bulan berterusan sebelum sahaja bulan bila bencana kerja itu berlaku, kadar harian faedah dibenarkan bagi hilangupaya sementara atau hilangupaya langsung yang kekal hendaklah sebanyak 70% daripada gaji bulanan purata anggapan seseorang yang diambil kerja dalam pekerjaan yang serupa itu oleh majikan yang sama atau mana-mana majikan dalam kawasan yang sama dibahagikan dengan tiga puluh:

Dengan syarat bahawa bagi maksud-maksud perenggan ini gaji bulanan purata anggapan hendaklah sama dengan jumlah gaji bulanan anggapan bagi orang yang diambil kerja dalam pekerjaan yang serupa itu oleh majikan yang sama atau jika tidak ada orang yang sedemikian itu, mana-mana orang lain yang diambil kerja dalam pekerjaan yang sama oleh majikan lain dalam kawasan yang sama yang baginya carum jenis Pertama atau Ketiga telah dibayar atau

kena dibayar dalam masa enam bulan berterusan sebelum sahaja bulan dalam mana bencana kerja yang berkenaan itu berlaku, dibahagikan dengan bilangan bulan yang baginya carum itu telah dibayar atau kena dibayar.”;

- (d) dengan memasukkan perkataan-perkataan “atau perenggan 4A” selepas perkataan-perkataan “perenggan 1” yang terdapat dalam perenggan 5; dan
- (e) dengan menggantikan perkataan-perkataan “dua ringgit lima puluh sen” di mana sahaja terdapat dalam perenggan 5 dengan perkataan-perkataan “kadar minimum yang ditetapkan oleh Menteri dari semasa ke semasa melalui peraturan-peraturan”.

Jadual
baru.

16. Akta ibu adalah dipinda dengan memasukkan Jadual yang berikut selepas Jadual Ketujuh:

“

JADUAL KELAPAN

(Seksyen 20A)

PENCEN PENAKAT

1. Kadar harian pencen penakat hendaklah sebanyak kadar bulanan pencen keilatan yang dibayar atau kena dibayar kepada orang berinsurans yang telah mati pada masa kematiannya dibahagikan dengan tiga puluh:

Dengan syarat bahawa amaun maksimum pencen yang kena dibayar kepada orang tanggungan tidak boleh melebihi amaun pencen keilatan yang orang berinsurans yang telah mati itu berhak mendapatnya.

2. Kadar harian pencen penakat adalah seperti berikut:

- (a) bagi balu, suatu amaun sebanyak tiga perlima dari kadar harian pencen penakat;
- (b) bagi tiap-tiap orang anak lelaki atau anak perempuan sahtaraf atau anak angkat lelaki atau perempuan yang sah, dua perlima dari kadar harian pencen penakat:

Dengan syarat bahawa jika jumlah pencen penakat yang dibahagi-bahagikan antara balu dan anak lelaki dan anak perempuan sahtaraf dan anak angkat lelaki atau perempuan yang sah pada bila-bila masa lebih daripada kadar harian pencen penakat, maka bahagian tiap-tiap orang tanggungan hendaklah dikurangkan berkadaran supaya jumlah amaun yang kena dibayar tidak melebihi kadar harian pencen penakat.

3. Sekiranya orang berinsurans yang sedang menerima pencen ilat atau sekiranya orang berinsurans yang belum genap umur 55 tahun tetapi telah memenuhi syarat-syarat bagi pencen ilat di bawah Akta ini, mati, dan tidak meninggalkan balu, atau anak sahtaraf atau anak angkat yang sah, maka pencen penakat kenalah dibayar kepada orang tanggungan yang lain seperti berikut:

(a) kepada ibu atau bapa atau nenek perempuan atau nenek lelaki, seumur hidup, suatu amaun sebanyak tiga persepuluh kadar harian pencen penakat; dan jika terdapat dua orang atau lebih ibu atau bapa atau nenek perempuan atau nenek lelaki, amaun yang kena dibayar hendaklah dibahagi-bahagikan sama banyak di antara mereka;

(b) kepada mana-mana—

(i) orang tanggungan lelaki lain, sehingga umurnya genap enam belas tahun;

(ii) orang tanggungan perempuan lain, sehingga umurnya genap enam belas tahun atau sehingga berkahwin, mengikut mana yang lebih awal, atau jika telah menjadi balu sehingga berkahwin lagi atau sehingga umurnya genap enam belas tahun, mengikut mana yang lebih awal,

suatu amaun sebanyak dua persepuluh dari kadar harian pencen penakat, dengan syarat bahawa jika ada lebih daripada seorang orang tanggungan di bawah subperenggan ini maka amaun yang kena dibayar hendaklah dibahagi-bahagikan sama banyak di antara mereka.”.

HURAIAN

Rang Undang-Undang ini bertujuan meminda Akta Keselamatan Sosial Pekerja 1969 untuk mengadakan faedah-faedah yang lebih baik bagi pekerja-pekerja yang Akta terpakai kepada mereka.

2. *Fasal 3* bertujuan meminda seksyen 15 dengan mengadakan faedah penakat baru bagi orang-orang tanggungan orang berinsurans yang mati semasa menerima pencen ilat atau yang mati sebelum mencapai umur lima puluh lima tahun tetapi selepas memenuhi syarat-syarat kelayakan bagi pencen ilat.

3. *Fasal 4* bertujuan meminda perenggan (a) subseksyen (2) seksyen 20 untuk mengadakan gaji bulanan purata minimum yang akan menghasilkan pencen hilangupaya minimum berkala dan pencen penakat.

4. *Fasal 5* bertujuan menambah dua seksyen baru iaitu seksyen 20A dan 20B, yang bertujuan menetapkan syarat-syarat mengenai pembayaran pencen penakat.

5. *Fasal 6* bertujuan meminda seksyen 22 untuk mengurangkan tempoh kelayakan berkenaan dengan faedah hilangupaya sementara, dari 14 hari kepada 5 hari.

6. *Fasal 7* bertujuan meminda seksyen 29 untuk melanjutkan bayaran faedah pengurusan mayat kepada kes-kes kematian di bawah Skim Pencen Keilatan. Pada masa ini, faedah itu hanyalah kena dibayar berkenaan dengan orang-orang yang mati akibat bencana kerja atau semasa sedang menerima faedah hilangupaya. Pindaan ini juga bertujuan mengenalpasti dengan lebih jelas lagi orang-orangnya yang akan dibayar faedah pengurusan mayat. Fasal ini juga bertujuan memberi kuasa kepada Ketua Pengarah atau pegawai yang diberi kuasa olehnya, untuk memutuskan sekiranya ada pertelingkahan mengenai soal kepada siapa bayaran faedah pengurusan mayat patut dibuat.

7. *Fasal 13* bertujuan meminda Jadual Pertama kepada Akta untuk melanjutkan pemakaian Akta kepada orang-orang yang berpendapatan seribu ringgit sebulan dan kurang. Siling gaji di bawah Akta ini tetap lima ratus ringgit sebulan semenjak Akta diluluskan pada tahun 1969. Menaikkan siling gaji akan menghasilkan cara mengira faedah tunai yang lebih saksama.

8. *Fasal 15* bertujuan meminda Jadual Keempat untuk mengadakan peruntukan bagi, di antara lain, kenaikan kadar harian jumlah faedah hilangupaya langsung yang kekal dari enam puluh kepada tujuh puluh peratus. Kenaikan ini telahpun berjalan kuatkuasanya secara pentadbiran dari bulan Julai 1980. Fasal ini juga bertujuan mengadakan suatu cara mengira kadar harian faedah. Pindaan itu juga bertujuan memberi kuasa kepada Menteri untuk menetapkan suatu kadar faedah minimum harian dari semasa ke semasa melalui peraturan-peraturan.

9. Pindaan-pindaan lain adalah pindaan yang kecil atau berbangkit sahaja.

IMPLIKASI KEWANGAN

Rang Undang-Undang ini tidak akan melibatkan Kerajaan dalam apa-apa perbelanjaan wang tambahan.

[PN. (U²) 1240; PN. (SBKA) 61.]